

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HHT 402 - Aspek-Aspek Kesenian Barat Moden

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.  
( 3 jam )

Jawab TIGA(3) soalan.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

1. Apakah yang anda faham sebagai seni lukis barat moden? Apakah ciri-ciri karya-karya moden? Sehubungan, bincangkan juga masalah-masalah dalam penggunaan istilah 'moden'.
2. Beberapa ketika dalam sejarah seni lukis Eropah pernah dikemukakan oleh para sarjana dan pengkritik seni sebagai titik permulaan seni lukis barat moden. Ada yang menganggap bahawa zaman 'Renaissance' (1420-1527) merupakan ketika yang membuka jalan kepada pembentukan seni lukis moden. Ada yang mengkaitkan permulaan seni lukis moden dengan konteks sejarah Revolusi Perancis (1789). Ada pula yang lain yang menghitung Impressionisme (1870an dan 80an) sebagai seni lukis moden yang pertama.  
  
Bincangkan sebab-sebab yang memungkinkan 'percanggahan' ini pada pendapat anda. Apakah, pada hemat anda, faktor-faktor yang diambilkira dalam memilih sesuatu ketika itu sebagai titik tolak seni lukis moden? Sejauh manakah kedudukan seni dalam masyarakat berperanan dalam pemilihan itu?
3. Dalam penulisannya tentang Klasisisme dan Romantisisme ("Reflections on Classicism and Romanticism" dalam *Classicism & Romanticism*, Harper & Row, London, 1966) pensejarah seni Frederick Antal membincang, di antara lain, lukisan 'Oath of the Horatii' (1784) oleh Jacques Louis David (1748-1825). Pada pendapat Antal, kejayaan lukisan ini berlandaskan gabungan dua faktor, iaitu naturalisme dan klasisisme.

.../2

Huraikan apa yang dimaksudkan oleh Antal di sini. Fikirkan bahawa bagi Antal, "Klasisisme yang berasaskan naturalisme, merupakan stail yang, dari segi sejarah, tidak boleh dielak oleh David dalam lukisannya; satu stail yang mencerminkan dengan tepat sekali latarbelakang sosialnya" (m.s.5)

4. **Jean-Leon Gerome** (1844-1904) merupakan seorang pelukis Realis Akademik yang dipencilkan bukan sahaja semasa riwayatnya bahkan juga sekarang ini. Ia sering diperkenalkan sebagai seorang profesor di Ecole des Beaux-Arts di Paris yang menentang pelukis-pelukis Impresionis terutamanya Edouard Manet (1832-83).  
  
Mengikuti Gerald Ackerman dalam rencananya tentang Gerome ("Gerome: The Academic Realist" dalam *Academic Art*, ed. Thomas Hess dan John Ashbery, Collier Books, New York, 1968), **kenapakah** Gerome dialpa dan dipencilkan sebagai pelukis sekarang ini dan semasa riwayatnya?
5. Huraikan ciri-ciri lukisan **Impresionis** (1870an-80an). Terangkan juga bagaimana Impresionisme berbeza dari lukisan-lukisan sebelumnya. Apakah reaksi audien seni lukis di Paris kepada Impresionisme?
6. Apakah yang dimaksudkan dengan "sikap estetik" yang disebutkan oleh Arnold Hauser berhubungan dengan seni lukis Impresionis dalam bukunya **The Social History of Art**, (Jilid 4, Random House, New York, tidak bertarikh).
7. Mengikuti Max Raphael ("Discord between Form and Content" dalam **Demands of Art**, Princeton University, Princeton, 1968), lukisan **Picasso** (1881-1973) yang berjudul **Guernica** (1936) yang diilhamkan oleh Perang Saudara Spanyol (1936-9), merupakan sebuah lukisan yang pada dasarnya tidak berjaya. Kenapakah Raphael berpendapat demikian?
8. Huraikan **tujuan dan pencapaian** kumpulan **Bauhaus** (ditubuhkan pada tahun 1919). Sehubungan, fikirkan juga tentang **kesedaran kolektif** kumpulan Bauhaus akan 'kewajipan sosial' (social responsibility) yang dibicarakan oleh Hans Wingler (**The Bauhaus, Weimar Dessau Berlin Chicago, MIT, Cambridge, 1969**).
9. Bagaimanakah kerajaan Amerika Syarikat membantu **memelihara kebajikan artis-artis Amerika** dalam tahun 1930an? Terangkan.

10. Bagaimanakah **Ekspresionisme Abstrak** boleh dianggap sesuai dipergunakan sebagai **propaganda budaya Amerika** dalam Perang Dingin selepas Perang Dunia Ke-2, seperti yang diterangkan oleh Eva Cockcroft ("Abstract Expressionism, Weapon of the Cold War" dalam **Artforum**, jilid 12, no.10, 1974)?

-ooo000ooo-